

Headline	12 pasukan sahut cabaran Piala Timbalan Naib Canselor		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	138,805
Page No	45	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	272 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,209
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,626



[ FOTO NAZRI ABU BAKAR / BH ]

Pasukan veteran UiTM Melaka (putih) bergambar dengan pasukan senior kampus di UiTM Lendu, Melaka.

## 12 pasukan sahut cabaran Piala Timbalan Naib Canselor

**Melaka Tengah:** Sejumlah 12 pasukan bakal bersaing pada kejohanan bola sepak Piala Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Kampus Merbok, Kedah pada 21 hingga 26 April ini.

Pasukan yang bertanding termasuk UiTM Perlis, Kelantan dan Pulau Pinang dalam kumpulan A, manakala Terengganu, Sarawak dan Perak (Kumpulan B) diikuti Kedah, Pahang Puncak Alam (Kumpulan C) dan Melaka, Sabah dan Shah Alam (Kumpulan D).

Pengurus pasukan UiTM Melaka, Anuar Sahat, berkata sasaran pasukan adalah mempertahankan kejuaraan dimenangi tahun lalu di negeri ini.

### Cabaran sengit

“Saingan dijangka amat sengit, namun pemain bertekad mempertahankan kejuaraan walaupun bakal dicabar hebat lawan termasuk naib juara Terengganu, Sarawak, Sabah dan tuan rumah Perlis.

“Saingan dijangka amat sengit, namun pemain bertekad mempertahankan kejuaraan walaupun bakal dicabar hebat lawan termasuk naib juara Terengganu, Sarawak, Sabah”

**Anuar Sahat,**  
Pengurus pasukan UiTM Melaka

“Dalam rangka persiapan rapi menghadapi kejohanan, pasukan ini akan menyertai Kejohanan Bola sepak Veteran Jemputan Melaka pada 19 April ini bertempat di Stadium Hang Tuah anjuran Jabatan Belia dan Sukan (JBS) serta Kelab Sukan dan Rekreasi Arena FM,” katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.